

SEREMBAN, Rabu — Krisis perlantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 bertambah rumit sekarang apabila dua Rumpun anak-anak Waris di Darat daripada Perut Ulu menuntut hak mereka untuk menyandang pesaka itu, yang kosong lebih tiga tahun lalu.

Anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang dan Dusun mendakwa bahawa mereka tidak pernah menyandang pesaka itu sejak ia wujud lebih 500 tahun lalu.

Jurucakap mereka berkata, anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang dan Dusun kini kira-kira 500 orang. Ramai tinggal di daerah Seremban.

Beliau juga mendakwa antara faktor yang menyebabkan berlakunya krisis itu ialah "Keengganan empat Lembaga

Tuntutan baru jawatan Undang Luak Sungai Ujong

Tiang Balai Luak Sungai Ujong mengiktiraf hak anak-anak Waris Rumpun Tinggang dan Dusun sebagai penyandang pesaka yang sah".

Berhak

"Sebilangan besar anak-anak Waris Rumpun Tinggang yang dianggarkan berjumlah 250 orang tinggal di kawasan Mantin dan Paroi manakala sebilangan besar anak-anak Waris Rumpun Dusun pula tinggal di kawasan Pantai.

"Kami sepatutnya diajak berbincang mengenai urusan pemilihan Datuk Kelana ke-10 kerana kami juga berhak di segi adat untuk menyandang pesaka itu. Malangnya kami tidak pernah langsung diajak berunding oleh mana-mana pihak khususnya empat Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong," katanya dalam satu kenyataan kepada *Berita Harian* di sini, hari ini.

Jurucakap itu berkata, pihaknya ber-

pendapat bahawa isu berkenaan tidak akan dapat diselesaikan selagi semua anak Waris yang berhak termasuk Rumpun Tinggang dan Rumpun Dusun dinafikan hak mereka menyandang pesaka itu.

Beliau juga menarik perhatian mengenai kewujudan anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Nyonyol yang dianggarkan berjumlah 200 orang dan tinggal di kawasan Pantai dekat sini.

Kegagalan Dewan Keadilan dan Undang Negeri merumuskan satu jalan penyelesaian dalam mesyuaratnya pada 10 Februari lalu menyebabkan krisis itu berlanjutan, sekurang-kurangnya sehingga pertengahan tahun ini apabila dewan bermesyuarat sekali lagi.

Jawatan Undang Luak Sungai Ujong ke-10 kosong sejak kematian Undang Kesembilan, Allahyarham Datuk Kelana Mohd Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rashid pada 28 Oktober 1983.